ABIM
Buku Kecil
Panduan
Aidiladha
merangkumi Hari Tarwiyah, Hari Arafah,
Panduan Solat & Ibadah Qurban

Disediakan oleh:

Biro Penyelidikan ABIM Pusat
Islamic Outreach ABIM Centre

Rujukan:

Jabatan Mufti Negeri Selangor
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Jabatan Agama Islam Selangor
Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Semakan:

Ustaz Dr. Abdul Halim El-Muhammadi
Ustaz Iqbal Hakim Saiful Affandi

ISI KANDUNGAN

Hari-hari Penting Bulan ZULHIJJAH

Hari Tarwiyah

Apa itu Hari Tarwiyah?

1. Hari Tarwiyah ialah hari ke-8 Zulhijjah

2. Ia termasuk dalam lapan hari yang disunatkan untuk berpuasa sebelum Hari Arafah (9 Zulhijjah).

10 hari terawal bulan Zulhijjah merupakan di antara hari-hari yang paling disukai serta dicintai oleh Allah SWT bagi orang yang melakukan amal soleh padanya.

Kenapa Dinamakan Tarwiyah?

1. Para jemaah haji setelah ber*ihram* akan menuju ke Mina untuk bermalam.

2. Ini kerana, pada keesokan harinya, mereka akan menuju ke Arafah.

3. Ketika di Mina, para jemaah ini mempersiapkan air sebagai bekalan untuk dibawa ketika ber*wukuf* di Arafah.

4. Mempersiapkan air ini diistilahkan dengan *Yatarowwaun*.

ABIM

5. Selain itu, dinamakan juga dengan "*Tarwi-yah*" adalah disebabkan pada malam tersebut, Nabi Ibrahim AS telah bermimpi buat kali yang pertama daripada Allah SWT agar menyembelih anaknya Nabi Ismail AS.

6. Seharian Baginda AS berfikir dan tertanya-tanya kepada dirinya, apakah perintah itu datangnya daripada Allah SWT atau daripada syaitan.

7. Tertanya-tanya itu juga diistilahkan dengan *Yurowwi* (berfikir panjang) dan itu adalah di antara sebab 8 *Zulhijjah* dinamakan dengan hari *Tarwiyah*.

Puasa Tarwiyah

Lafaz Niat Puasa Tarwiyah

نَوَيْتُ صَوْمَ التَّرْوِيَةِ سُنَّةً لِلّٰهِ تَعَالَى

Lafaz rumi: ***Nawaitu Shaumat Tarwiyata Sunnatan Lillaahi Ta'aala***

Maksudnya: **Sahaja aku niat puasa sunat *tarwiyah* kerana Allāh *ta'ālā*.**

Tarikh & Waktu Puasa Tarwiyah

Tarikh puasa *tarwiyah* adalah pada **8 *Zulhijjah***, sehari sebelum hari Arafah.

Hari Arafah

Apa itu Hari Arafah?

1 sebuah perayaan Islam yang berlaku pada 9 Zulhijah dalam kalendar Hijrah Islam.

2 Pada hari ini, para jemaah pergi ke Gunung Arafah dari Mina serta padang Arafah.

Di gunung ini, Nabi Muhammad SAW memberikan khutbah-khutbah terakhirnya pada tahun terakhir kehidupannya. Dalam kalangan umat Islam, dikatakan bahawa ayat-ayat Al-Quran berkenaan kesempurnaan ajaran Islam telah diturunkan di sini.

Peristiwa Hari Arafah

1. Pada hari ini, umat Islam yang mengerjakan haji akan berwukuf di Padang Arafah yang menjadi antara kemuncak ibadah Haji.

2. Wukuf membawa maksud: berada di Arafah, walaupun satu detik, dalam keadaan apa sekalipun, dengan niat melaksanakan rukun haji.

3. Umat Islam yang melaksanakan haji berwukuf di padang Arafah bagi memperingati peristiwa di mana Nabi Adam AS dan Hawa telah diturunkan dari syurga ke bumi kerana terpedaya dengan tipu daya iblis sekaligus mengingkari perintah Allah, namun mereka bertaubat kepadaNya.

4. Dari berdua di syurga, mereka telah dipisahkan di bumi dan sehinggalah 40 tahun baru mereka bertemu kembali di Padang Arafah atau lebih spesifik di Jabal ar Rahmah.

5. Di sinilah mereka memohon keampunan daripada Allah SWT kerana telah mengingkari perintahNya.

6. Penyesalan dan taubat mereka diterima Allah SWT di sini dan itulah simbolik wukuf di Padang Arafah.

7. Umat Islam yang berwukuf di sini adalah tempat untuk menyesali dosa yang pernah dilakukan dan juga tempat untuk memohon kemaafan daripada Allah.

Puasa Arafah

1. **Puasa** adalah **ibadah sunnah** yang boleh dilaksanakan oleh umat Islam sekiranya **tidak melakukan ibadah haji**.

2. Bagi mereka yang **tidak berkesempatan untuk melaksanakan haji**, tidaklah sia-sia ibadah mereka kerana dengan berpuasa mereka dapat **memanfaatkan hari** tersebut dan **merebut fadilat** yang dijanjikan pada hari ini.

Lafaz Niat Puasa Arafah

Lafaz rumi: ***Nawaitu Shauma Arafata Sunnatan Lillaahi Ta'aala***

Maksudnya: **Sahaja aku niat puasa sunat *Arafah* kerana Allāh *ta'ālā*.**

Daripada Abu Qatadah al-Anshari r.a.; Rasulullah ketika ditanya tentang puasa hari Arafah, Baginda bersabda:

"Ia menebus dosa setahun yang telah lalu dan setahun yang akan datang."

Hari Raya Aidiladha

Hari Raya Aidiladha, Hari Raya Korban atau **Hari Raya Haji** merupakan perayaan yang disambut oleh umat Islam di seluruh dunia.

Aidiladha disambut pada hari **ke-10**, **ke-11**, **ke-12** dan **ke-13** bulan **Zulhijjah** setiap tahun.

Perayaan Umat Islam memperingati **Kisah Pengorbanan Nabi Ibrahim A.S** dalam menunaikan perintah Allah dan kesabaran anaknya **Nabi Ismail A.S** dalam memenuhi perintah Allah SWT.

Ibadat korban ini hanya boleh dilakukan pada **empat hari** iaitu bermula waktu selepas khatib menyampaikan khutbah Aidiladha sehingga sebelum tenggelam matahari pada hari ke-13 Zulhijjah.

Perbanyakkan Zikir, Takbir, Tahlil & Tahmid

Melakukan Ibadah Korban

Perbanyakkan Amalan Soleh

Tidak memotong kuku & bulu bagi mereka yang ingin melakukan korban

Amalan 10 awal Zulhijjah

Mandi Sunat Aidiladha

Pada pagi Hari Raya Aidiladha, adalah disunatkan kepada kita untuk mandi sunat hari raya sebelum menunaikan Solat Sunat Hari Raya.

Lafaz Niat Mandi Sunat

نَوَيْتُ الْغُسْلَ لِعِيْدِ الْأَضْحَى سُنَّةً لِلّٰهِ تَعَالَى

Lafaz rumi: ***Nawaitu Ghusla Li 'idil Adha Sunnatan Lillahi Taala***

Maksudnya: **Sahaja mandi sunat Hari Raya Aidil Adha kerana Allāh *ta'ālā.***

Sunat mandi ini adalah berdasarkan amalan sahabat di mana Imam Malik meriwayatkan dari Nafi' yang menceritakan:

> ***Sesungguhnya Ibnu Umar R.A mandi pada hari raya fitrah sebelum keluar pada pagi hari raya."***

Riwayat Imam Malik; al-Muwatta'. Menurut Imam Nawawi; atsar

Solat Sunat Aidiladha

Hukum

- Hukumnya adalah ***Sunat Muakkad*.**

- Hal ini kerana Rasulullah *Sollalahu 'Alaihi wa Sallam* **tidak pernah meninggalkannya**.

- Para sahabat *Radhiyallahu 'Anhum* juga **melaksanakannya** selepas kewafatan baginda.

- Ia dilaksanakan secara **berjemaah**.

Waktu

- Waktunya bermula dari **terbitnya matahari sehingga tergelincirnya matahari**.

- Waktu *afdhal* ialah ketika matahari naik sekadar tinggi **segalah**.

Cara Solat

Lafaz Niat (Makmum)

أُصَلِّيْ سُنَّةً عِيْدِ الْاَضْحَى رَكْعَتَيْنِ مَأْمُوْمًالِلّٰهِ تَعَالَى

Lafaz rumi: ***Usolli sunnata li'idil adha rak'ataini ma'muman lillah Ta'ala***

Maksudnya: **Sahaja aku solat Sunat Aidiladha dua raka'at mengikut imam kerana Allah Ta'ala**

Lafaz Niat (Imam)

أُصَلِّيْ سُنَّةً عِيْدِ الْاَضْحَى رَكْعَتَيْنِ إِمَامًا لِلّٰهِ تَعَالَى

Lafaz rumi: ***Usolli sunnata li'idil adha rak'ataini imaamam lillah ta'ala***

Maksudnya: **Sahaja aku solat Sunat Aidiladha dua raka'at sebagai Imam kerana Allah ta'ala**

Rakaat Pertama

1. Dimulakan dengan ***takbiratul ihram***.
2. Membaca **doa *iftitah***.
3. **Bertakbir** sebanyak **7 kali**.
4. Ketujuh-tujuh *takbir* ini dipisahkan di antara satu sama lain.
5. Disunatkan membaca ***tasbih* di antara *takbir-takbir*** tersebut.
6. Lafaz ***tasbih:***

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّااللَّهُ وَاللهُ أَكبَرَ

Lafaz rumi: ***SubhanAllah Walhamdulillah Wa La Ilaha Ilallahu Wallahu Akbar***

7. Membaca ***isti'azah***

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Lafaz rumi: ***A`udhu billahi min ash-shaytan ar-rajim***

8. Membaca ***surah al-Fatihah*** diikuti dengan membaca mana-mana surah dalam al-Quran.
9. ***Rukuk*** & ***iktidal***.
10. ***Sujud*, duduk di antara dua *sujud*** & ***sujud* semula**.
11. Bangkit untuk **rakaat kedua**.

Rakaat Kedua

1. Ber*takbir* sebanyak **5 kali** iaitu tidak termasuk lafaz *takbir* ketika bangun rakaat pertama.
2. Kelima-lima *takbir* itu dipisahkan di antara satu sama lain.
3. Disunatkan membaca ***tasbih* diantara *takbir-takbir*** tersebut.
4. Lafaz ***tasbih***:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللهُ أَكبَر

Lafaz rumi: ***SubhanAllah Walhamdulillah Wa La Ilaha Ilallahu Wallahu Akbar***

5. Membaca ***isti'azah***

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Lafaz rumi: ***A`udhu billahi min ash-shaytan ar-rajim***

6. Membaca ***surah al-Fatihah*** diikuti dengan membaca mana-mana surah dalam al-Quran.
7. ***Rukuk*** & ***iktidal***.
8. ***Sujud*, duduk antara *sujud*** & ***sujud* semula**.
9. ***Tahiyyat akhir*** & memberi ***salam***.
10. Diikuti dengan **dua *khutbah* Hari Raya**.

Lafaz Takbir
Hari Raya

اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ،

Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ،

Tidak ada Tuhan melainkan Allah dan Allah Maha Besar

اَللهُ أَكْبَرُ وَلِلهِ الحَمْدُ

Allah Maha Besar dan bagi Allah segala puji-pujian

اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ،

Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar

اللهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالحَمْدُ لِلهَ كَثِيرًا،
وَسُبْحَانَ اللهِ بُكْرَةً وَأَصِيلاً،

Allah Maha Besar Yang Teramat Besar, Segala puji bagi Allah se-
banyak-banyaknya, Maha Suci Allah pada waktu pagi dan petang

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَلاَ نَعْبُدُ إِلاَّ إِيَّاهُ
مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الكَافِرُونَ،

Tidak ada Tuhan melainkan Allah, kami tidak menyembah kecuali kepadaNya, dengan ikhlas untuk agama (Islam), walaupun dibenci oleh golongan kafir

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدَهُ،
وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ
وَهَزَمَ الأَحْزَابَ وَحْدَهُ،

Tidak ada Tuhan melainkan Allah yang Esa, Yang benar janji-Nya, Dan yang menolong hamba-Nya, dan yang memuliakan tentera-tenteraNya (tentera Muslimin), dengan mengalahkan tentera Ahzab dengan keesaan-Nya

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ،

Tidak ada Tuhan melainkan Allah dan Allah Maha Besar

اَللهُ أَكْبَرُ وَلِلهِ الحَمْدُ

Allah Maha Besar dan bagi Allah segala puji-pujian

Khutbah Hari Raya

Sunat disampaikan **2 *khutbah*** setelah selesai Solat Sunat Hari Raya.

Jika disampaikan khutbah sebelum solat, maka ianya tidak diambil kira.

Semua **rukun dua *Khutbah* Jumaat** dan ***sunat-sunatnya*** adalah terpakai kepada khutbah Solat Sunat Hari Raya.

Khutbah pertama, sunat dimulakan dengan **9 kali *takbir*** dan khutbah kedua dengan **7 kali *takbir***.

Perkara-perkara Sunat Menyambut Aidiladha

Mandi Sunat Hari Raya

Memakai Pakaian yang Terbaik

Merapatkan Hubungan Silaturrahim

Banyakkan Takbir

Menghidupkan Malam Raya dengan Ibadah

Tidak makan sebelum Solat Sunat Aidiladha

Saling Mendoakan antara satu sama lain

Tidak berpuasa di Hari Tasyrik

Melakukan Banyak Amalan Sedekah

Ibadah Qurban

Apa itu ibadan qurban?

"Qurban" bermaksud nama bagi sesuatu yang diqurbankan, atau nama bagi ternakan yang disembelih pada Aidiladha. Qurban bermaksud menyembelih ternakan tertentu dengan *taqarrub* kepada Allah SWT pada masa-masa tertentu.

"*Taqarrub*" bermaksud perbuatan atau amalan yang dilakukan bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ibadah *qurban* adalah salah satu amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT berdasarkan kepada surah al-Kauthar ayat 2, surah al-Hajj ayat 36.

Individu yang dituntut Melakukan Ibadah Qurban

Islam

Seorang Islam yang masih hidup. Tidak boleh melakukan untuk si mati jika dia tidak meninggalkan wasiat.

Merdeka

Seorang yang merdeka. Tidak dituntut ke atas hamba.

Baligh

Mencapai umur baligh dan berakal.

Bermukim

Bermukim, iaitu menetap di sesuatu kawasan.

Berkemampuan

Mampu melaksanakan, iaitu mereka yang mempunyai wang untuk berbelanja mendapatkan ternakan qurban, yang lebih daripada keperluannya dan keperluan mereka yang berada di bawah tanggungannya untuk Hari Raya dan Hari-hari Tasyrik kerana tempoh itulah masa bagi melakukan qurban.

Syarat Sah Qurban

Niat

Niat untuk *taqarrub* diri kepada Allah SWT. Waktu niat qurban adalah semasa menyembelih atau semasa membeli ternakan *qurban*.

Haiwan Ternakan

Memilih ternakan *qurban* yang boleh dikongsi bahagian seperti unta, lembu dan kerbau jika ingin berkongsi tujuh orang. Manakala kambing atau biri-biri dikhususkan untuk seorang yang mewakili satu bahagian.

Syarat Sah Haiwan Qurban

Syarat Penyembelih Haiwan Qurban

01 seorang muslim

02 *mumayyiz* dan berakal

03 Mampu melakukannya (pandai menyembelih) dan dilakukan tanpa ada paksaan;

04 Makruh jika diwakilkan ahli kitab, atau kepada kanak-kanak dan perempuan haid

05 Tidak sah jika disembelih oleh orang kafir

Syarat Sembelihan

Syarat sah sembelihan adalah dengan memutuskan:

1. **dua urat pembuluh darah**, iaitu karotid dan jugular (*wada-jain*);
2. **urat mari'** (saluran makanan); dan
3. **halqum** (saluran pernafasan).

Alat Sembelihan

Alat menyembelih hendak-lah **tajam**, **bukan** menggunakan alat yang **tumpul**, **tulang** dan **gigi haiwan**.

Mengenai IOAC

🌿 Islamic Outreach ABIM (IOA) ditubuhkan pada tahun 1987 dibawah Biro Penataran Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) bagi menggerakkan kegiatan berteraskan dakwah kepada masyarakat Islam dan bukan Islam.

🌿 Pada tahun 2014, IOA telah dijenamakan semula sebagai sebuah agensi ABIM dikenali IOAC dengan beberapa peluasan aktiviti.

🌿 Perubahan nama ini tidak menjejaskan matlamat asal penubuhannya iaitu menyampaikan mesej dakwah, pesanan agama, dan menghayati Islam sebagai panduan cara hidup sebagai manusia.

🌿 Malah ianya ditambah baik dengan program-program yang sesuai dengan keperluan masa dan zaman.

AGENDA TERAS PROGRAM-PROGRAM DI BAWAH IOAC

Program Syahadah & Penataran Muallaf

Program Pemandu Pelancong Masjid

Program Pembangunan Komuniti Kosmopolitan & Seranta Dakwah

EN. FAZRIL SALEH
Ketua Pengarah IOAC

BANK RAKYAT

1101-5378-44

Islamic Outreach ABIM Centre

OUTREACH OASIS BUKIT BINTANG

Pembangunan Pusat Informasi Dakwah di Bukit Bintang bagi menjayakan aktiviti dakwah serta pembangunan komuniti asnaf khususnya di Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

- Pusat Informasi Pelancongan Islam
- Pusat Bimbingan Islam dan Muallaf
- Program Latihan Sukarelawan
- Program Siri Pencerahan dan Penerangan Berkenaan Islam
- Aktiviti Tambahan dengan Pelancong

Jom Infaq untuk Pembangunan Ummah

Setiap Ringgit anda mampu membawa sinar dan perubahan besar dalam hidup mereka yang memerlukan